



**KENALI ADUN ANDA**  
**TIEW WAY KENG**  
N22 Teratai

muka 6&7

**Pembeli Pangsapuri**  
**Saga Suria, Ampang**  
lega

muka 11

**SELCAT 2014**  
**Strategi Pemulihan Pengurusan**  
**PKNS 'Integrity Impact'**

muka 4&5

## Isu MB: Patuhi adab, iktiraf peranan istana

**SHAH ALAM** - Semua pihak disaran mengambil kira adab, etika dan peranan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor dalam menentukan kedudukan Menteri Besar.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata peranan Pakatan Rakyat (PR) juga perlu diambil kira, selain peranan DYMM Sultan Selangor.

“Sama seperti Kerajaan Negeri lain,

Selangor juga perlu mematuhi etika yang membabitkan Institusi Diraja Selangor.

“Pegawai istana ada bertanya saya sama ada mereka ini arif dalam memahami adab dan tertib istana serta negeri.

“Perbincangan jawatan Menteri Besar perlu mengambil kira peranan PR dan Sultan dalam perkara ini. Sebab itu, perlu untuk menunjukkan kearifan

kita dalam usaha yang dilakukan,” katanya.

Abdul Khalid berkata demikian pada sidang media selepas Mesyuarat Exco Kerajaan Selangor di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK).

Katanya, Majlis Pimpinan PR berhak mengadakan perbincangan dalam apa juga isu termasuk hal yang menyentuh kedudukan beliau sebagai

Menteri Besar.

“PR berhak mengadakan perbincangan berkenaan semua perkara, bukan sahaja hari ini atau esok, tetapi setiap minggu seperti perkara berbangkit yang akan diteruskan.

“Perbincangan isu kedudukan Menteri Besar dalam mesyuarat PR bukan satu perkara yang menghairankan,” katanya.

# MH370: Selangor kaji bentuk bantuan untuk keluarga mangsa

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor akan mengkaji bentuk bantuan kebajikan yang boleh disalurkan kepada keluarga anak kapal dan penumpang pesawat MH370 yang dilaporkan berakhir di Lautan Hindi, pada 24 Mac lalu.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata beliau berharap orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi liar berhubung tragedi berkenaan sehingga melukakan perasaan mereka yang sedang meratapi kehilangan orang tersayang.

“Kerajaan Negeri merancang mengkaji bantuan kebajikan mereka, khususnya anak kapal MH370 yang berasal dari Selangor. Namun, pada masa ini kita mesti berikan ruang secukupnya kepada keluarga terbabit dan mahu mereka tahu kita bersama mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di Bangunan Setiausaha Kerajaan



**Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, bersama pimpinan Kerajaan Negeri, menyertai warga Shah Alam membaca tahlil buat mangsa MH370 di Masjid Negeri**

Negeri (SUK), di sini, baru-baru ini.

Pada 24 Mac lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mengumumkan pener-

baikan pesawat MH370 berakhir di Selatan Lautan Hindi selepas beliau dimaklumkan wakil Cawangan Siasatan Nahas Udara (AAIB) dari Britain.

Penemuan itu, sekali gus mengakhiri pencarian selama 17 hari dengan membabitkan gerakan besar-besaran dan bantuan pelbagai negara luar.

Ketika ini, pencarian diteruskan dengan fasa mencari kotak hitam yang mampu merungkai misteri kehilangan pesawat malang terbabit.

# PHSB disiasat sejak 2011



**KEPUTUSAN** untuk menamatkan khidmat 20 kakitangan kontrak PKNS Holdings Sdn Bhd (PHSB) dibuat berdasarkan kepada penilaian menyeluruh yang disediakan sejak 2011, selepas Dewan Negeri Selangor (DNS) melapor wujudnya keraguan pada operasi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan anak-anak syarikatnya.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, menjelaskan penamatan kontrak itu hanyalah satu daripada beberapa langkah pembedahan yang disediakan Pengurus Besar pada masa itu, Datuk Othman Omar, dan kini dilaksana Azlan Md Alifah, selaku pemangku Pengurus Besar.

**Sulaiman Abdul Razak (BN-Permatang)** Pada 2011 kita (DNS) telah berikan aduan, tetapi nampaknya tindakan hanya diambil pada Februari 2014. Sila jelaskan.

**Abdul Khalid:** Kita mengambil kira tentang perkara tersebut. Sebab itu Pengurus Besar (Othman Omar) diberi month-to-month (dikontrak secara bulanan) sehingga perkhidmatan beliau tidak disambung. Kedua, kita minta audit dilaksanakan siasatan.

Akhirnya kita membuat keputusan, dan dilaksanakan oleh Azlan.

Saya tidak mahu langkah diambil hanya bila krisis berbangkit, tetapi menyelesaikan masalah secara menyeluruh.

Saya juga ingin beritahu

(pada Selcat) bahawa perubahan organisasi dan budaya organisasi mengambil masa yang lama, bahkan ada perubahan yang mengambil masa bertahun-tahun.

Penjelasan itu dimaklumkan Abdul Khalid kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelesusan Selangor (Selcat), menjawab petikan hansard dari Sidang ke-12 DNS (28 Mac 2011 - 1 April 2011) yang dibacakan Sulaiman.

Dari hansard itu, Selcat diberi maklum kira-kira 501 kakitangan PKNS menunjuk perasaan melalui memorandum membantah Othman menggunakan wang PKNS untuk menggaji kakitangan ter-

babit, seperti seorang penulis ucapan, dua pegawai khas kepada pengurus besar, dan beberapa pegawai perhubungan, serta melantik agensi untuk tujuan telemarketing.

**Hannah Yeoh (Speaker)** Tahukah kenapa semua kertas cara penamatan kontrak 20 kakitangan itu bertarikh 20 Februari 2014 dan dikeluarkan dalam tempoh 24 jam. Mengapa perlu dibuat secara tergesa-gesa?

**Abdul Khalid:** Itu gaya pengurus baru. Sangat cekap. Kalau begitulah cara dia, saya suka. Kelewatan dalam melaksanakan keputusan yang dipersetujui akan menyebabkan syarikat menanggung kerugian.



“

**Kelewatan dalam melaksanakan keputusan yang dipersetujui akan menyebabkan syarikat menanggung kerugian**

**ABDUL KHALID**  
Menteri Besar

Tiada arahan untuk menyetujui tindakan itu?

**Abdul Khalid:** Tiada.

Selcat bersidang selama satu hari bagi menyiasat penamatan khidmat 20 kakitangan kontrak PHSB, serta pengguguran Adun Azmin Ali dari lembaga PKNS. Ia dipengerusikan Speaker Hannah Yeoh, bersama Timbalan Speaker Nik Nazmi Nik Ahmad, Adun Hulu Kelang Saari Sungib, Adun Meru Dr Abdul Rani Osman, Adun Sekinchan, Ng Sue Lim dan Adun Permatang Sulaiman Abdul Razak.

**SAYU...**

**DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, menjirus air mawar ke atas makam Tengku Bendahara Selangor, Tengku Azman Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj, di Makam Diraja, Klang. Tengku Azman Shah Alhaj, 84 tahun, merupakan bapa saudara kepada Sultan Selangor, mangkat pada jam 2:31 petang, Ahad 23/3/2014 di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang**

Siasatan ke atas bekas Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Datuk Othman Omar bukan menjurus kepada surat pengguguran Adun Bukit Antarabangsa Azmin Ali sahaja, tetapi juga kemungkinan adanya surat-surat lain yang menyaksikan Othman melampaui batas kuasanya.

Ketika disoal di Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT), Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid berkata Kerajaan Negeri kini sangat berwaspada memastikan kepentingan PKNS dalam aktiviti-aktiviti lain tidak terjejas.

Selagi siasatan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohamed Khusrin Munawi belum selesai, maka kedudukan Azmin sebagai Ahli Lembaga Pengarah PKNS kekal tergantung.

**Sulaiman Abdul Razak (BN-Permatang)**

**Pada ketika ini, apakah Azmin masih Ahli Lembaga Pengarah PKNS atau tidak?**

**Abdul Khalid:** Itu tidak menjadi persoalan. Kita masih menunggu laporan daripada Setiausaha Kerajaan Negeri mengenai surat itu, dan surat

penjelasan daripada Othman. Kita mahu tahu adakah ada dokumen-dokumen lain yang ditandatangani oleh Othman yang tidak bagi pihak Pengerusi atau Ahli Lembaga.

Sekiranya Othman boleh menandatangani (surat) perkara tersebut (tanpa pengetahuan Pengerusi dan Ahli Lembaga), maka kita mesti waspada sekiranya ia melibatkan perkara-perkara lain terutamanya melibatkan PKNS Holdings Sdn Bhd (PHSB) sebab banyak perkara-perkara berbangkit yang kita hanya baru tahu sekarang.

Abdul Khalid berulang kali menegaskan penamatan Azmin sebagai Ahli Lembaga PKNS tidak pernah diputuskan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), sebaliknya Othman mengeluarkan surat itu ber-

dasarkan tafsiran sendiri.

Kedudukan Azmin masih tergantung. Sebabnya, bekas Pengurus Besar telah menulis surat kepada Azmin menyatakan beliau (Azmin) bukan lagi Ahli Lembaga Pengarah PKNS. Dia sebut Kerajaan Negeri (MMKN) telah membuat keputusan untuk menamatkan (khidmat Azmin). Surat itu ditandatangani sendiri oleh Othman. Saya tidak ketahui kewujudan surat itu.

**Surat itu diterima dan disahkan Azmin?**

**Abdul Khalid:** Ya.

Siasatan dalam dijangka siap dalam masa dua bulan sejak ia dimulakan tetapi Abdul Khalid berkata, beliau tidak boleh campur tangan atau mendesak siasatan disegerakan.



## MB sedia disiasat SELCAT, bantu jelas sebarang isu

OLEH LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sekali lagi membuktikan dirinya sebagai seorang pemimpin berintegriti tinggi dengan menjadi saksi kepada sesi pendengaran awam Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (Selcat).

Ahli jawatankuasa Selcat, Ng Suee Lim sebelum menyertai sesi soal jawab sempat memuji keberanian Menteri Besar itu.

"Saya harap ini akan menjadi contoh kepada penjawat awam lain untuk mengiktiraf Selcat," katanya.

Abdul Khalid buat kali pertama sejak bergelar Menteri Besar menyertai sesi pendengaran awam Selcat, bagi menjawab isu pengguguran Adun Bukit Antarabangsa Azmin Ali dari Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), dan isu penamatan kontrak 20 kakitangan PKNS Holdings Sdn Bhd.

Sejurus selesai memberi keterangan dalam soalsiasat sela-



**"**Saya harap ini akan menjadi contoh kepada penjawat awam lain untuk mengiktiraf SELCAT

**NG SUEE LIM**

ma hampir dua jam, beliau menyatakan kesediaannya untuk memberi kerjasama lagi di masa hadapan bagi merungkai sebarang isu yang memerlukan penjelasan.

"Saya sentiasa bersedia untuk dipanggil kerana bersetuju dengan ini (Selcat). Saya fikir ini perlu dilakukan untuk menunjukkan ketelusan," katanya.

## Adab politik jangan dipandang enteng

### PILIHAN RAYA

Kecil (PRK) Kajang sudah berakhir, Presiden

PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail mencapai kejayaan apabila kemenangan yang berpihak kepadanya bukan sekadar cup-kup makan.

Sebaliknya, undi popular meningkat, malah dua daerah mengundi yang majoritinya pengundi Melayu dan menjadi kubu kuat Umno, ditembusi.

Hal itu patut digembargembur - betapa sokongan rakyat terhadap Pakatan tidak pernah putus dan kian hari, kian mengancam kekuasaan Umno-BN.

Ironinya, isu Menteri Besar baru pula yang lincah dicanang - diada-adakan pihak tertentu, mungkin atas kepentingan sosok individu.

Kemenangan Dr Wan Azizah jadi modal untuk mengolah persetujuan bagi menyingkirkan Tan Sri Khalid Ibrahim yang memainkan peranan penting selaku Pengerah Jentera PRK Kajang.

Seolah-olah kerusi Menteri Besar milik satu parti, seolah-olah ia ditentukan hanya dengan telunjuk seorang individu sahaja - tanpa perlu kesepakatan, jauh sekali mengambil kira peranan pihak berkaitan.

Sekaligus, segala adab diketepi. Pandangan pihak lain dipandang enteng.

Seakan-akan lupa akan peranan DYMM Sultan Sela-



Selangorkini  
EDITORIAL

ngor, Sultan Sharafuddin Idris Shah. Buat-buat lupa akan wujudnya Institusi Diraja di negeri ini.

Barangkali itulah sebabnya Abdul Khalid - mahu tak mahu, terpaksa membangkitkan hal itu kepada media. Kerana suara-suara sumbang telah melangkaui garis sempadan.

Perbuatan meletakkan istana sebagai 'spot light' - sesuatu yang tidak wajar kerana ia memberi gambaran seolah-olah Institusi Diraja ada kepentingan tersendiri.

Malah, secara tidak langsung ia memberi tekanan kepada institusi berkenaan yang sepatutnya tidak terlibat dalam percaturan politik mana-mana parti.

Hakikatnya, Institusi Diraja hanya mahu melihat kemakmuran negeri tanpa ambil pusing kitaran politik. Itu sahaja.

Maka, tidak perlu heret institusi diraja dalam kancang politik semata-mata mahu memuaskan tembok nafsu pihak berkepentingan.

Kerana - apabila negeri makin makmur dan rakyat dilimpahi kebajikan, mengapa institusi diraja dipaksa menuding jari ke arah menteri besar yang baru.

*Ketua Pengarang*



# RM40 juta untuk Hadiah Anak Masuk Universiti

OLEH NAEEM RAFFI

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri membelanjakan lebih RM40 juta dalam tempoh enam tahun pelaksanaan program Hadiah Anak Masuk Universiti.

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali, berkata dengan perbelanjaan tersebut sekurang-kurangnya 40,133 anak Selangor yang layak ke menara gading, berjaya menerima bantuan RM1,000.

"RM40 juta untuk bantuan pendidikan seumpama ini ada-

lah satu perbelanjaan yang besar buat mana-mana Kerajaan Negeri.

"Tetapi kerajaan Selangor berani berbelanja besar untuk bantuan ini kerana ia diurus tadbir dengan cekap, selain rezab negeri

yang kukuh. Ia sekaligus membuktikan program pro-rakyat bukan satu rektorik, malah bermanfaat kepada rakyat," jelasnya dalam satu wawancara bersama Selangor Kini.

Hadiah RM1,000 diberi kepada anak Selangor daripada keluarga berpendapatan RM3,000 dan ke bawah, sebagai persediaan melanjutkan pendidikan ke pusat pengajian tinggi awam/swasta yang diiktiraf kerajaan dengan mengikuti pengajian ke peringkat diploma atau ijazah sarjana muda.

Pada awal pelaksanaannya, Kerajaan Negeri menetapkan pendapatan seisi rumah RM1,500 sebulan sebagai salah satu syarat kelayakan.

Bagaimana pun ia dinaikkan kepada RM3,000 sebulan menerusi belanjawan 2014 berikutan rezab negeri yang semakin bertambah sehingga mencecah hampir RM3 bilion.

"Perubahan syarat kelayakan ini membolehkan lebih ramai anak Selangor yang layak dibantu," katanya.

Setakat 28 Februari lalu, jumlah direkodkan mencatatkan lebih RM40.133 juta dibelanjakan dengan kira-kira 40,133 peserta mendapat manfaat menerusi program tersebut.

"Sejak dilancarkan 1 Julai 2008, BPSM menerima 52,355 permohonan dan hanya 40,133 pemohon berjaya," katanya.

“

**Kerajaan Selangor berani berbelanja besar untuk bantuan ini kerana ia diurus tadbir dengan cekap, selain rezab negeri yang kukuh. Ia sekaligus membuktikan program pro-rakyat bukan satu rektorik, malah bermanfaat kepada rakyat**

**DR HALIMAH ALI**  
Exco Pendidikan



**Selangor Kini**

**SIDANG PENGARANG**

**PENASIHAT:** Faekah Husin  
Arfa'za Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG:** Fazallah Pit

**PENGARANG BERITA:** Hafiih Mokhtar **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

**WARTAWAN:** Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Lizawati Madfa,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com

**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

# Hargai masa depan anak Selangor

**SHAH ALAM** - Perbelanjaan puluhan juta ringgit oleh Kerajaan Negeri untuk insentif anak Selangor yang melanjutkan pelajaran ke universiti disifatkan sebagai pelaburan untuk masa hadapan.

Pakar ekonomi Institut Rakyat, Azrul Azwa Ahmad Tajuddin (**gambar**), berkata dalam jangka masa panjang, Selangor akan memiliki kumpulan cerdik pandai dari pelbagai bidang yang berkeupayaan memacu pertumbuhan ekonomi negeri.

Bercakap kepada Selangor Kini, pihaknya percaya Selangor tidak terbeban dengan perbelanjaan sebesar itu kerana semuanya telah dirancang berdasarkan kemampuan kewangan yang dimilikinya.



“Program pro-rakyat itu telah dibuat kira-kira terlebih dahulu sebelum ia dilaksanakan. Jadi, ia bukan suatu yang membebankan Kerajaan Negeri.

“Perkara ini telah pun dibuktikan apabila pada Belanjawan Selangor 2014, Kerajaan Negeri menaikkan had kelayakan program terse-

but daripada pendapatan seisi rumah RM1,500 sebulan kepada RM3,000 sebulan,” jelasnya.

Azrul juga tidak menolak kemungkinan bahawa Selangor berkeupayaan menaikkan bantuan RM1,000 kepada RM1,500 berdasarkan kecekapan Kerajaan Negeri menguruskan kewangan seperti yang dibuktikan hari ini dengan rezab negeri

mencecah hampir RM3 bilion.

“Tidak mustahil buat Selangor. Namun, Kerajaan Negeri perlu membuat pertimbangan terlebih dahulu kepada semua program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang ada,” katanya.

Merumuskan pendapatnya, Arzul berkata program Hadiah Anak Masuk Universiti adalah baik dan telah mencapai sasarannya.

Pendapatnya itu selari dengan pujian Ketua Audit Negara dalam laporannya pada tahun 2012.

Siasatan Jabatan Audit Negara mendapati 87.8 peratus golongan sasar menerima manfaat daripada program MES itu.

Paling menarik perhatian Audit adalah prestasi permohonan lulus yang sangat baik pada 2010 (99.9% dari 7,699 pemohon), 2011 (93.1% dari 7,167 pemohon)

## Lahir di sempadan Selangor layak mohon

**SHAH ALAM** - Status kelahiran di sempadan Selangor tidak menjadi masalah kepada pemohon Hadiah Anak Masuk Universiti sekiranya mereka bermastautin lebih 11 tahun di Selangor.

Pemohon hanya perlu mendapatkan pengesahan pemastautin daripada ketua kampung, jelas Dr Halimah Ali.

“Ini antara penambahbaikan yang kami lakukan dalam memastikan lebih ramai mereka yang layak menerima manfaat program tersebut,” jelasnya

Selangorkini difahamkan, kira-kira 10 peratus permohonan untuk program ini adalah penduduk di sempadan Selangor yang memegang kad pengenalan dengan kod negeri jiran.

Sebagai contoh, Dr Halimah berkata penduduk di utara Selangor seperti Sabak Bernam ramai yang dilahirkan di Hospital Teluk Intan kerana jarak kemudahan tersebut lebih dekat berbanding hospital dalam negeri.

Begitu juga, penduduk di selatan Selangor seperti Sungai Pelek memilih Hospital Seremban untuk urusan kelahiran mereka.

“Rata-rata penduduk di sempadan Selangor adalah pemegang kad pengenalan dengan kod negeri jiran atas alasan hospital di dalam negeri jauh dari kampung mereka.

“Tetapi mereka ini bermastautin dan bersekolah di Selangor. Jadi, adalah tidak wajar sekiranya mereka yang layak ini dinafikan hak untuk menerima bantuan RM1,000 sebagai Hadiah Anak Masuk Universiti daripada Kerajaan Negeri,” katanya.

### SYARAT KELAYAKAN

- Permohonan adalah terbuka kepada Warganegara Malaysia sahaja.
- Pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Selangor yang memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:
  - (i) Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
  - (ii) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
  - (iii) Pemohon Tidak Lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap dan bersekolah di Negeri Selangor melebihi tempoh 11 tahun.
- Pemohon telah ditawarkan memasuki Tahun Pertama (Semester Pertama) mulai sesi Julai 2008 sahaja.
- Pemohon telah ditawarkan melanjutkan pengajian secara sepenuh masa di IPTA atau IPTS (diiktiraf oleh Kerajaan) peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Diploma sahaja.
- Pemohon telahpun mendaftarkan diri di IPT bagi memulakan sesi pengajian.
- Pemohon masih belajar dan dalam tempoh pengajian.
- Pendapatan isi rumah Ibu Bapa/ Penjaga Pemohon berjumlah RM3,000 ke bawah sahaja.

\*Matrikulasi/ Kursus Persediaan/ Tahun Asas/ A-Level/ ACCA/ LCCI/ Ijazah Lanjutan/ Kursus Perguruan Lepas Ijazah (DPLI/ KPLI)/ Pengajian Jarak Jauh (PJJ)/ Pengajian Luar Kampus (PLK) tidak layak memohon.



### PENDAPAT PENERIMA

Saya lahir dari keluarga berpendapatan sederhana, di mana hanya ayah yang menanggung perbelanjaan kami sekeluarga. Wang bantuan ini setidak-tidaknya dapat saya gunakan untuk keperluan di universiti, jadi kurangnya sedikit beban ayah. Saya bersyukur sangat dengan bantuan ini

**Mohd Fauzan Md Radzi**



Semua benda mahal hari ini, sebagai pelajar saya hanya bergantung kepada duit pinjaman dan duit saku bulanan daripada keluarga.

Dengan bantuan ini dapatlah menampung sedikit sebanyak perbelanjaan saya untuk membeli buku dan peralatan belajar yang lain

**Nurul Nabilah Faisal**

Dengan kebijaksanaan dan kebolehan Menteri Besar membuat kira-kira dengan baik dalam semua hal, saya yakin bantuan seumpama ini dapat dipelbagaikan atau mungkin jumlahnya dinaikan bagi meringankan beban mahasiswa

**Hazwani Mokhtar**



### STATISTIK HADIAH ANAK MASUK UNIVERSITI

#### STATUS PERMOHONAN

(1 Julai 2008 hingga 28 Februari 2014)

Tahun	Layak	Tidak
2008	3,718	1,380
2009	6,025	1,925
2010	8,162	2,277
2011	7,643	2,339
2012	7,397	2,144
2013	6,570	1,886
2014	618	271
<b>JUMLAH</b>	<b>40,133</b>	<b>12,222</b>

#### BILANGAN PENERIMA LAYAK MENGIKUT KAUM

(1 Julai 2008 hingga 28 Februari 2014)

Tahun	Melayu	Cina	India	Lain-lain
2008	2,502	742	462	12
2009	4,682	853	463	27
2010	6,172	1,153	819	18
2011	5,516	1,206	890	31
2012	5,000	1,399	955	43
2013	4,868	906	744	52
2014	485	69	60	4

### PERTANYAAN & MAKLUMAT LANJUT

Urus Setia Hadiah Pengajian IPT  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Tingkat 3, Bangunan S.S.A.A.S  
40503 Shah Alam.

Telefon :03- 5544 7385

03-5544 7484

03-5521 2306

Faks : 03-5510 4095 / 03-5511 0659

URL : <http://hpipt.selangor.gov.my>

# Keselamatan dan prasarana diberi tumpuan khusus



OLEH HAFIZAN TAIB

ISU kewangan merupakan antara kesulitan yang perlu diatasi untuk menyelesaikan masalah penyelenggaraan cerun

Taman Bukit Saga Jaya.

Adun Teratai, Tiew Way Keng, berkata meskipun begitu, pejabatnya bersama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan pihak berwajib lain sentiasa berusaha untuk mengatasinya.

Menurut beliau, keselamatan rakyat di bawah jaguannya menjadi keutamaan.

“Kita sudah mulakan sejak tahun lalu walaupun tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya, namun usaha akan terus dijalankan,” katanya, yang menambah beliau akan terus memaklumkan situasi di cerun Taman Bukit Saga Jaya kepada Kerajaan Negeri secara berterusan.

Way Keng juga merancang,



melebarkan berapa batang jalan raya bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas dan memudahkan aliran keluar-masuk sumber di kawasanannya.

“Kesesakan lalu lintas antara aduan diterima PKM DUN dan kita akan berusaha dengan kerjasama pihak berkuasa untuk mengatasinya,” katanya.

Antara isu yang turut diberi perhatian khusus adalah naik taraf prasarana awam di kawasan perumahan, terutamanya Dewan Orang Ramai Taman Bukit Teratai yang musnah terbakar.

“Dewan itu penting untuk kegunaan penduduk kawasan itu. Banyak program dijalankan kini dipindahkan ke kawasan lain termasuk di surau. Kita akan cuba membantu membina dewan yang baru,” katanya yang menganggarkan kos kira-kira RM300,000 untuk pembinaan dewan berkenaan.

## TIEW WAY KENG ADUN TERATAI

Umur : 33 Tahun

Tarikh Lahir : 28 April 1981

Tempat Lahir : Taman Star,

Kuala Lumpur.

Status : Bujang

### PENDIDIKAN

- Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Chiao Nan, Kuala Lumpur.
- Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chong Hwa, Kuala Lumpur.
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Universiti Malaya (2001).

### JAWATAN DALAM PARTI

- Penolong Ketua Pemuda DAP Kebangsaan.
- Timbalan Ketua DAPsy Selangor.
- Ahli Jawatankuasa Wanita DAP Peringkat Kebangsaan dan Negeri Selangor.

## Politik baru untuk perubahan

TIEW WAY KENG menjelaskan perubahan politik yang berlaku di negara ini sejak beberapa tahun lalu banyak membawa kebaikan kepada rakyat.

Beliau berkata, perubahan itu menyaksikan kerajaan sedia ada seperti Kerajaan Negeri perlu meningkatkan tahap perkhidmatan menjadi lebih baik berbanding sebelumnya.

“Keadaan yang berlaku ini mewujudkan sistem semak dan imbang yang baik antara kerajaan dan pembangkang demi kebaikan rakyat.

“Gabungan PKR, DAP dan PAS dalam Pakatan Rakyat (PR) yang mencetuskan perubahan ini sudah ditunggu lama oleh banyak pihak. Sekarang ia terbukti berhasil,” katanya.

Way Keng mengambil contoh Skim Mesra Usia Emas (SMUE) yang memberi manfaat kepada lebih 70 peratus warga emas di DUN Teratai yang menyertainya.

“Jom Shopping SMUE contohnya disukai peserta kerana mereka dapat turut serta dalam aktiviti itu dan dapat hasilnya secara terus, terutama di musim perayaan.



Bersama penerima baucar Jom Shopping sempena perayaan Deepavali

“SMUE memang meninggalkan kesan kepada peserta dan pewaris. Daripada maklum balas diterima, memang majoriti menyokong skim ini,” katanya.

Selain itu Skim Mikrokredit Mis-

kin Bandar (Mimbar), Intensif Perkahwinan Belia, Hadiah Anak Masuk Universiti serta skim lain turut mendapat sambutan memuaskannya daripada pelbagai lapisan masyarakat di situ.

**SHAH ALAM** - Kerajaan Pusat melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak mahu bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi membina lebih banyak rumah mampu milik.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Abdul Samad, berkata pihaknya sudah tiga kali menulis surat kepada kementerian menyatakan hasrat bekerjasama, namun tiada sebarang reaksi diberikan sehingga hari ini.

Beliau berkata, masalah kediaman hanya mampu diselesaikan secara efisien melalui perbincangan bersama.

“Saya lihat rumah adalah masalah negara, kerana kebanyakan mereka yang membeli rumah di Selangor ini bekerja di Kuala Lumpur dan Putrajaya, bahkan di Negeri Sembilan.

# Rumah Mampu Milik - Pusat enggan beri kerjasama

“Jadi, Selangor terpaksa menampung mereka yang bekerja di luar ini. Sebab itu, harus ada kerjasama antara Kement-

“

**Sudah tiga kali pihak saya menulis surat kepada kementerian menyatakan hasrat bekerjasama, namun tiada sebarang reaksi diberikan sehingga hari ini**

**ISKANDAR SAMAD**  
Exco Perumahan

rian Perumahan dan Kerajaan Negeri supaya masalah ini dapat selesai, tetapi tiada respon diberikan,” katanya.

Iskandar berkata, kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Selangor adalah pihak pertama yang muncul melancarkan kediaman jenis berkenaan pada harga antara RM42,000 hingga RM250,000.

Katanya, ia dilaksanakan melalui tiga polisi yang ditetapkan, iaitu melalui anak syarikat negeri, mewajibkan pemaju swasta membina rumah mampu milik (polisi Rumah Selangorku) dan Kerajaan

Selangor sendiri yang membina rumah mampu milik.

“Setakat ini, kita sedang membina 2,400 unit rumah di Sungai Sering, Hulu Kelang dan akan meningkat kepada 5000 unit, bahkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) juga ada beberapa tempat yang sedang dibina serta mendapat kelulusan membina seperti di Kota Puteri, Hulu Selangor,” katanya.

Projek ‘Rumah Selangorku’ pertama yang akan dibina di Sungai Sering akan menggunakan RM100 juta daripada rizab Kerajaan Negeri berjum-

lah RM3 bilion.

Peruntukan RM100 juta itu digunakan sebagai modal pusingan membina rumah mampu milik tanpa perlu Kerajaan Negeri membuat pinjaman bank.

Projek pembangunan rumah mampu milik pertama itu akan dibangunkan di atas tanah milik Menteri Besar Incorporated (MBI) pada keluasan kira-kira 22.26 hektar

Sebanyak 2,400 unit rumah akan dibina melalui projek perintis itu dengan keluasan 900 hingga 1,000 kaki persegi dengan menggunakan konsep pembinaan secara pasang siap (IBS).

<< dari muka 6

## Pelbagai program anak muda diaktifkan



**PELBAGAI** program dan aktiviti membabitkan golongan muda dan belia diperbanyakkan di DUN Teratai terutamanya khidmat nasihat dan bimbingan pendidikan dan kerjaya.

Tiew Way Keng berkata, Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN pernah menganjurkan program Pendidikan dan Ekonomi (Education and Economy - EAE) tahun lalu dengan penyertaan ramai peserta dari pelbagai lapisan masyarakat.

“Kita merancang banyak program berfaedah untuk mereka sertai dan EAE ini turut mendapat kerjasama daripada Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli selain “Jobfare”



**Tiew Way Keng turun padang bersama anak muda.**

**Kiri: Bersama meraikan kejayaan pelajar**

diberi perhatian dengan penganjuran program akan datang.

yang mana anak muda boleh mendapat maklumat mengenai kerjaya diminati mereka.

“Kita juga mengadakan selalu aktiviti sukan seperti futsal dan badminton supaya anak muda dan belia boleh mengisi masa lapang secara berhemah,” katanya.

Beliau berkata, lebih 50 peratus belia di DUN itu menyertai aktiviti dijalankan dan golongan terbabit akan terus

Bagi golongan lain termasuk wanita, Way Keng berkata, pihaknya tidak melupakan dengan penganjuran program bimbingan dan kemasyarakatan untuk disertai mereka.

Katanya, PKM DUN Teratai akan terus menjalankan pelbagai program untuk membolehkan kumpulan sasaran menyertainya dan mendapat manfaat berkenaan.

## Tiada masalah dalam pergaulan

**TIEW WAY KENG** tidak sesekali membataskan pergaulan dengan masyarakat di DUN diwakilinya kerana kaedah itu akan mengeratkan lagi hubungan yang sedia terjalin.

Sejak diangkat menjadi wakil rakyat tahun lalu, dengan penampilan bersahaja, beliau diterima baik oleh masyarakat berbilang kaum termasuk orang Melayu Islam.

“Pengundi di DUN Teratai membabitkan semua kaum dengan peratusan hampir sama antara orang Melayu dan Cina. Bagi saya, ia bukan masalah kerana saya mewakili semua di sini.

“Saya jalankan kerja untuk semua. Selain orang Cina, saya juga mendampingi orang Melayu dan India serta yang lain dalam pelbagai aktiviti diadakan,” katanya yang gembira dengan sambutan masyarakat

setempat terhadap dirinya.

Way Keng berkata, pihaknya juga tidak pernah mencampurkan soal agama di dalam pergaulan kerana isu berkenaan dianggap boleh menimbulkan salah faham.

Malah, katanya, perbincangan secara berhemah sentiasa dilakukan demi memelihara hubungan baik antara semua pihak di kawasan berkenaan.

“Dalam hal ini contohnya agama Islam, saya akan bawa rombongan ke Kelantan untuk mendapat penerangan mengenai sistem pentadbiran Islam daripada kerajaan Kelantan.

“Itu janji saya bila terpilih sebagai Adun di sini kerana dalam kempen pilihan raya lalu barisan pembangkang (BN) memberikan gambaran yang salah mengenai perkara ini kepada umum,” katanya.



**Berjumpa Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Aziz Nik Mat, sewaktu berkunjung ke Kelantan**



KLIA Sepang



# Warga Selangor prihatin tragedi MH370



Surau Hidayatul Mustaqim, Selayang Baru



Kompleks 3C Subang Jaya



Dataran C180, Balakong



Dataran Merdeka, KL



## Edar topeng muka, bunga sempena Hari Wanita

**ATAS** keprihatinan terhadap masalah kualiti udara yang semakin meruncing di beberapa kawasan di Selangor, Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail, mengedarkan 400 topeng muka kepada mereka yang berkunjung ke pasar malam Prima Saujana, Kajang, baru-baru ini.

Usaha positif Rodziah itu dilihat mampu memberi kesedaran kepada orang ramai supaya menjaga kesihatan dan menyediakan inisiatif sebelum menjalankan aktiviti luar rumah.

Keadaan jerebu dilihat semakin meruncing apabila Pelabuhan Klang dan Banting mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) berbahaya menurut laman sesawang Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Rodziah turut mengedarkan kuntuman bunga sempena meraikan Hari Wanita yang dilihat mendapat reaksi positif daripada orang ramai.



**Rodziah Ismail**  
Exco Kebajikan



## Prihatin kesihatan rakyat

**BERIKUTAN** keadaan jerebu semakin teruk, Adun Seri Kembangan, Ean Yong Hian Wah bersama Ahli Parlimen Serdang, Ong Kian Ming mengedarkan topeng kepada rakyat, baru-baru ini.

Mereka mengedarkan topeng kepada penduduk di Pasar Serdang di Seri Kembangan, untuk mengingatkan rakyat supaya sentiasa memakai topeng muka ketika berada di luar sepanjang tempoh jerebu.

Ean Yong, menyeru rakyat mengurangkan aktiviti luar dan menggunakan topeng muka, supaya tidak menjejaskan kesihatan mereka.

**Ong Kian Ming**  
Ahli Parlimen Serdang  
**Ean Yong**  
Adun Seri Kembangan

## Ziarah rakyat, naik motosikal

**SETIAP** wakil rakyat ada cara tersendiri menemui rakyat.

Bagi Adun Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan, beliau lebih gemar menziarahi penduduk di kawasannya dengan menaiki motosikal.

“Naik motosikal lebih senang memandangkan keadaan jalan di sini sempit. Lagipun dengan motorsikal mudah untuk bergerak dan sampai terus ke rumah penduduk,” katanya.

Cara beliau ini membawa kejutan kepada Mohd Zain Ahmad, 75, yang menerima kehadiran Hasbullah tanpa disangka-sangka.

“Mulanya saya dihubungi ketua kampung hanya untuk melawat sahaja, tidak sangka, ketua kampung datang bersama wakil rakyat dan beri bantuan,” katanya yang mengidap minor strok dan tinggal di Kampung Tengah 1.



**Hasbullah Ridzwan**  
Adun Gombak Setia



**Shafie Ngah**  
Adun Bangi

## Bengkel jahitan setiap hujung minggu

**SERAMAI** 180 peserta mengikuti bengkel jahitan DUN Bangi di Sungai Ramal Dalam, Sungai Ramal Luar, Jalan 6 Bandar Baru Bangi, Taman Jasmin dan Bukit Mahkota, Bandar Seri Putera.

Bengkel khusus untuk wanita itu diadakan dua jam setiap hujung minggu dengan kekerapan dua minggu sekali bagi mempelajari teknik menjahit baju kurung dan jubah hasil tunjuk ajar Mahani Yaa-kob.

Taklimat mengenai operasi di Pusat Khidmat Masyarakat Setempat (PKMS) di Bandar Seri Putra itu disampaikan Pe-

nyelaras Bengkel Jahitan Putra Mahkota, Haslina Mohamad Ali.

Adun Bangi, Shafie Ngah, berkata peruntukan untuk kaum wanita adalah yang terbesar dalam Belanjawan 2014 untuk DUN Bangi.

Beliau turut menyampaikan lima mesin jahit dan dua mesin jahit tepi untuk kegunaan bengkel itu.

“Kita juga bakal menganjurkan kempen Merakyatkan Al-Quran dan program Wonder Chef bagi mendidik anak-anak berdikari untuk menyediakan sarapan dan makan tengah hari mereka,” katanya.



# Undi popular meningkat di Kajang

OLEH AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** - Kemenangan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Kajang menunjukkan peningkatan undi popular kepada 60 peratus, berbanding 58 peratus pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) lalu.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, turut mengumumkan dua kubu kuat Umno berjaya ditawan,

manakala majoriti undi kalah di kawasan-kawasan majoriti Melayu turut berjaya dikurangkan.

“Kemenangan ini lebih manis apabila PR berjaya meningkatkan sokongan di kalangan pengundi Melayu, bahkan bukan sahaja mengurangkan majoriti kekalahan di beberapa daerah mengundi seperti Sungai Kantan dan Batu 10 Cheras, tetapi turut berjaya menawan dua kubu kuat Umno, iaitu Sungai Sekamat dan Taman Delima.



“Lebih bermakna apabila tinjauan awal mendapati saluran mengundi anak muda hampir disapu bersih PR pada PRK kali ini,” katanya

dalam satu kenyataan.

Katanya, walaupun penerusan peratus keluar mengundi berkurang kepada 72.1 peratus berbanding 88.4

peratus pada PRU-13, namun ia merupakan fenomena biasa dalam sebarang PRK.

Katanya, kemenangan ini memberi restu kepada Kerajaan Negeri untuk meneruskan agenda reformasi dalam urus tadbir dan aspek sosio-ekonomi rakyat.

“Meskipun keputusan Kajang tidak mengubah struktur dan mekanisme pentadbiran, mandat yang diberikan rakyat Kajang nescaya akan menjadi pemangkin kepada Kerajaan PR untuk terus bekerja dengan lebih gigih,” tegas beliau.

“

**Kemenangan ini memberi restu kepada Kerajaan Negeri untuk meneruskan agenda reformasi dalam urus tadbir dan aspek sosio-ekonomi rakyat.**

**ABDUL KHALID**  
Menteri Besar

## BN harus sedar ‘isyarat’ pengundi

**KAJANG** - Peningkatan peratusan undi yang diperoleh Pakatan Rakyat (PR) pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Kajang menunjukkan masyarakat menolak budaya politik BN, dan manipulasi institusi kehakiman.

Dr Wan Azizah Wan Ismail yang menang dalam PRK tersebut baru-baru ini menyarankan BN untuk melihat peningkatan undi popular, peningkatan undi masyarakat Melayu, serta peningkatan undi pengundi muda, sebagai isyarat penolakan yang jelas.

“Pengundi muda terutama Melayu kembali menyokong PR dan sokongan ini memberikan momentum kepada Langkah Kajang ke Putrajaya,” katanya pada sidang media selepas Suruhanjaya

Pilihan Raya (SPR) mengumumkan beliau sebagai pemenang.

Terdahulu, hanya dua hari sebelum penamaan calon PRK Kajang, Mahkamah Rayuan mensabitkan Anwar bersalah dalam kes membabitkan pembantunya, Mohd Saiful Bukhari Azlan.

Mahkamah Rayuan yang sepatutnya bersidang pada 6 dan 7 April ini dipercepatkan secara tergesa-gesa pada 6 dan 7 Mac lalu untuk menjatuhkan hukum.

Keadaan itu memaksa PKR menamakan Dr Wan Azizah sebagai calon PR bagi menggantikan Anwar yang hilang kelayakan untuk bertanding dalam PRK itu.

Wan Azizah akan mengangkat sumpah sebagai Adun Kajang, pada 7 April ini.

**RAKAN RESIDENCE**  
@ Taman Rakan Cheras

PENGALAMAN EKSKLUSIF  
**KESELESAAN & RUANGAN**  
RUMAH TERES 2 TINGKAT  
BATU 11, CHERAS  
012-689 0556

NO. LESEN PEMAJU : 12208-1/10-2014/0780(L) | TEMPOH SAH : 04/10/2013-03/10/2014 | NO PERMIT IKLAN : 12208-1/10-2014/0780(P) | TEMPOH SAH : 04/10/2013-03/10/2014 | PIHAK BERKUASA TEMPATAN : MAJLIS PERBANDARAN KAJANG | NO RUJUKAN : MPK 6/P/76/2011 | TARIKH DIANGKA SIAP : Oktober 2014 | PEGANGAN TANAH : PAJAKAN 99 TAHUN | TARIKH TAMAT TEMPOH PAJAKAN : 28 NOVEMBER 2111 | BEBANAN TANAH : TIADA | JUMLAH UNIT : 40 UNIT | HARGA (MIN) : RM650,000 | HARGA (MAX) : RM860,000 | SEKATAN KEPENTINGAN : TANAH INI BOLEH DIPINDAH-MILIK, DIPAJAK ATAU DIGADAI SETELAH MENDAPAT KEBENARAN PIHAK BERKUASA NEGERI | SAIZ TANAH : 20' x 65' | RUMAH TERES : RUMAH TERES 2- TINGKAT | DISKAUN BUMIPUTERA : 7%

Pemaju: SPEED WORK ENTERPRISE SDN BHD  
Alamat: 8b-1, Tingkat 1, Jln Sg.Besi, 57100, Kuala Lumpur No.Tel: 03-92222550 No. Fax: 03-9222441

# Pembeli Pangsapuri Saga Suria lega

OLEH AFIX REDZUAN

**AMPANG** - Penantian hampir lapan tahun pembeli Pangsapuri Saga Suria, Taman Saga, berakhir apabila projek berkenaan berjaya disiapkan di bawah kepimpinan Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor.

Lebih menggembirakan, projek pangsapuri yang sebelum ini terbengkalai sudah mendapat Sijil Layak Menduduki (CF) pada Disember lalu dan mula diduduki beberapa keluarga, sejak awal tahun ini.

Pangsapuri yang mengandungi 468 unit Rumah Kos Rendah dengan keluasan 700 kaki persegi dan tiga bilik itu sepatutnya siap dibina pada 2006, namun terbengkalai.

Exco Perumahan Selangor, Iskandar Abdul Samad, berkata 44 projek rumah terbengkalai daripada jumlah keseluruhan 140 projek berjaya diselesaikan.

“

**44 projek berjaya diselesaikan mem-babitkan 20,573 unit rumah, dari Mac 2008 hingga 1 Januari lalu**

**ISKANDAR SAMAD**  
Exco Perumahan

Katanya, 140 projek terbengkalai berkenaan mem-babitkan 37,381 unit rumah yang direkodkan sebagai projek terbengkalai.

“Sebenarnya bidang kuasa Kerajaan Negeri terhad dalam memulihkan projek terbengkalai ini kerana kuasa terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966.

“Walaupun, 44 projek berjaya diselesaikan mem-babitkan 20,573 unit rumah, dari Mac 2008 hingga 1 Januari lalu,” katanya.

Sebelum ini, projek perumahan Bukit Botak, Pangsapuri Berembang Indah dan Alam Perdana antara projek yang berjaya diselesaikan Kerajaan Negeri.

Iskandar berkata, pembeli yang teraniaya boleh memohon surat pengesahan daripada LPHS untuk membuat permohonan rayuan pengecualian, pengurangan kadar faedah atau penjadualan semula pembayaran daripada pihak bank tetapi tertakluk kepada kelulusan bank pemiaya.

## INFO

**Pertanyaan berhubung projek rumah terbengkalai?**

**Unit Pemantauan LPHS 03-5544 7950**



Iskandar dan Adun Teratai, Tiew Way Keng, meninjau keadaan dalam rumah Pangsapuri Saga Suria



## PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada petender yang masih dibenarkan membuat tawaran masa ini dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia serta mempunyai kemampuan dari segi kewangan, kepakaran dan berpengalaman dalam melaksanakan bidang-bidang yang dicadangkan seperti berikut:

Butir - Butir Tawaran	Harga Dokumen Tawaran	Tempat Dan Tarikh Dokumen Dijual	Syarat Pendaftaran	Tarikh Dan Tempat Lawatan Tapak	Tarikh Tender Ditutup
Kerja Pengubahsuaian Ruang Pejabat Tingkat 8, 9 dan 12 Perbendaharaan Negeri Selangor	RM 50.00 (Tidak akan dikembalikan)	Dokumen Tender hanya boleh diperolehi melalui Sistem Tender Negeri Selangor ( <a href="http://tender.selangor.gov.my">http://tender.selangor.gov.my</a> )  28 Mac 2014 (Jumaat) hingga 10 April 2014 (Khamis) pada waktu pejabat	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G3	Jumaat, 28 Mac 2014 Jam 9.00 pagi  Berkumpul di Bilik Mesyuarat Tingkat 8, Perbendaharaan Negeri Selangor  Lawatan Tapak adalah WAJIB	Khamis, 10 April 2014 pada jam 12.00 tengah hari  Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan

- Naskah meja tawaran boleh disemak di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Perbendaharaan Negeri Selangor, Tingkat 12, Bangunan SSAAS, 40592 Shah Alam** pada waktu pejabat bermula 28 Mac 2014 (Jumaat). Dokumen tawaran tender ini boleh diperolehi melalui **Sistem Tender Negeri Selangor** (<http://tender.selangor.gov.my>). Petender hendaklah menghantar dokumen berupa dua (2) set dokumen asal dan satu (1) cakera padat mengandungi softcopy.
- Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri yang bertanda dengan Kod Tender **PWNSEL/DT01/2014** pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam peti tender di alamat seperti berikut:

Perbendaharaan Negeri Selangor  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Tingkat 12  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40592 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan



Selepas lapan tahun terbengkalai kini Pangsapuri Saga Suria boleh diduduki

**PETALING JAYA** – Pembangunan pesat yang dialami Malaysia telah menyebabkan peningkatan kos sara hidup di bandar-bandar besar yang memberi kesan terhadap golongan miskin dan berpendapatan rendah.

Kesan yang diterima golongan ini berpunca daripada pendapatan perkapita yang kecil untuk menampung kos penghidupan di bandar yang tinggi dengan peningkatan harga barangan dan perkhidmatan.

Menyadari situasi ini Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah merangka pelbagai program dan inisiatif membela nasib golongan miskin bandar untuk memastikan mereka mendapat hak yang sama rata di Petaling Jaya.

Berdasarkan statistik MBPJ terdapat sebanyak 625 keluarga miskin di Petaling Jaya yang telah berdaftar dengan Majlis di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) sehingga Mac 2014. Golongan miskin bandar ini berada dalam lingkungan pendapatan isi rumah RM1,500 dan ke bawah.

Program khas dirangka untuk golongan ini dengan menyediakan latihan-latihan kemahiran untuk menggalakkan mereka menceburi diri dalam bisnes kecil-kecilan bagi menyara kehidupan.

Antara bengkel kemahiran yang dilaksanakan ialah bengkel jahitan, sulaman manik, bengkel kek dan hiasan, urutan refleksologi, gunting rambut dan kemahiran komputer. Pelaksanaan bengkel kemahiran ini dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Amanah Rakyat, Lembaga Zakat Selangor dan pelbagai badan bukan kerajaan (NGO).

Hasilnya MBPJ telah berjaya mengurangkan jumlah keluarga miskin daripada 1,471 pada 2011 kepada 1,082 keluarga pada 2012 dan hanya 625 keluarga dicatatkan sehingga Mac 2014.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 325 merupakan miskin tegar dengan pendapatan bulan-

# Pastikan golongan miskin dapat hak sama rata



an kurang dari RM420, 271 keluarga merupakan miskin relatif berpendapatan antara RM421 hingga RM740 manakala 29 keluarga berada dalam kemiskinan yang digariskan kerajaan negeri Selangor dengan pendapatan RM741 hingga RM1,500.

"Penurunan miskin bandar ini disebabkan kejayaan mereka keluar daripada belunggu kemiskinan dengan memulakan perniagaan secara kecil-kecilan misalnya perniagaan secara dalam

talian (online) atau perkhidmatan jahitan di rumah," jelas Datuk Bandar Petaling Jaya, Datin Paduka Alinah Ahmad.

"Ini menunjukkan usaha yang kita jalankan dengan kerjasama agensi-agensi lain mencapai kejayaan dan usaha ini akan diteruskan untuk membantu golongan tersebut meningkatkan sumber ekonomi seterusnya keluar daripada kelompok kemiskinan," tambah beliau lagi.

Usaha membantu golongan berpendapatan rendah dan miskin mengurangkan bebanan peningkatan kos sara hidup di bandar bukan terhad kepada PBT malah kerajaan negeri Selangor juga telah mengumumkan pemberian diskaun 25 peratus cukai taksiran pangsapuri kos rendah di seluruh negeri semenjak penghujung 2012.

Untuk melayakkan pemilik pangsapuri kos rendah menikmati diskaun ini pemilik perlu mematuhi syarat-syarat seperti mendiami sendiri pangsapuri, perlu kemukakan bukti perakuan sah pemastautin dan pangsapuri tersebut tidak mempunyai tunggakan cukai taksiran.

Pemberian diskaun ini akan diberikan secara automatik semasa pemilik membuat bayaran cukai taksiran di kaunter cukai taksiran Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Selangor dengan menyertakan bersama Borang Perakuan Pemastautin Pemilik (BPPP 1/2012) yang boleh dimuat turun di portal Selangorku atau diperolehi di pejabat Pesuruhjaya Bangunan Pihak Berkuasa Tempatan.

Pada tahun 2009 dalam Bajet Mesra Rakyat MBPJ telah menurunkan sebanyak 2.0% hingga 2.2% kadar cukai taksiran bagi semua pegangan bertingkat di Petaling Jaya. Langkah ini untuk mengurangkan beban penduduk dan seiring dengan tema bajet Selangor "Merakyatkan Ekonomi Selangor."

Kadar cukai taksiran bagi flat kos rendah dikurangkan daripada



7.0% kepada 5.0%. Bagi flat, apartmen dan kondominium kadar cukai dikurangkan daripada 8.0% kepada 6.0%, manakala bagi kawasan Sri Damansara, Mayang Mas dan Megah Mas, cukai taksiran bagi flat, apartmen dan kondominium kekal pada kadar 5.0%.

Bagi pangsapuri servis, kadar cukai yang baru adalah 6.6% dikurangkan sebanyak 2.2% daripada kadar lama iaitu 8.8%. Kesan daripada penurunan kadar cukai taksiran bagi kediaman bertingkat di kawasan Petaling Jaya ini, Majlis mengalami penurunan kutipan cukai sebanyak RM8,624,544 bagi pegangan sedia ada.

MBPJ turut menyediakan perkhidmatan rawatan percuma di Klinik Kesihatan Majlis kepada rakyat termiskin dan orang kurang upaya di Petaling Jaya untuk menampung kos rawatan kesihatan yang turut meningkat.

Golongan yang dikenal pasti layak dibekalkan dengan kad rawatan percuma khas yang melayakkan mereka mendapatkan rawatan kesihatan di Klinik Kesihatan yang diuruskan oleh MBPJ di Seksyen 8, Petaling Jaya.

Pusat kesihatan ini sebagai alternatif selain mendapatkan rawat-

an di institusi-institusi kesihatan kerajaan yang lain.

Akibat daripada kesempitan hidup yang dialami, mobiliti golongan ini turut terjejas. Menyadari masalah ini MBPJ telah memperkenalkan perkhidmatan bas komuniti percuma pada tahun 2008 kepada warga emas dan miskin bandar Petaling Jaya.

Perkhidmatan bas ini meliputi dua kawasan iaitu Petaling Jaya Utara dan Petaling Jaya Selatan meliputi perumahan kos rendah untuk menghubungkan mereka dengan pusat-pusat kesihatan, pasar-pasar awam dan juga perputakaan.

MBPJ juga dalam proses untuk mewujudkan perkhidmatan bas pengantara percuma kepada penduduk Petaling Jaya yang akan memulakan perkhidmatan dalam masa terdekat sebagai alternatif kepada penduduk selain menggunakan kenderaan persendirian untuk ke pusat bandar Seksyen 52, Petaling Jaya.

Perkhidmatan bas ini selain untuk mengurangkan kesesakan trafik di Seksyen 52 secara langsung dapat membantu golongan berpendapatan rendah mengurangkan kos pengangkutan mereka.



**Bengkel jahitan manik juga menjadi pilihan suri rumah**



**Peserta usahawan mikro kelihatan ceria bersama sijil tamat kursus yang diperolehi**

OLEH NORFARAHIDAYU  
BAHARUDIN

**PETALING JAYA** - Rakyat perlu diberikan pendedahan yang lebih meluas terhadap peluang yang boleh diperolehi dalam program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Pendedahan ini penting untuk rakyat bagi merasai faedah dan kelebihan berada di bawah negeri pemerintahan Pakatan Rakyat.

"Pusat khidmat bergerak untuk setiap DUN diperlukan dengan kita pergi kepada rakyat untuk kita jelaskan mengenai MES supaya sama-sama dapat merasakan faedah," kata Adun Taman Medan, Haniza Talha.

Beliau berkata demikian di Majlis Penyerahan Khairat Kematian RM1,500 fasa kedua untuk 170 penerima Skim Mesra Usia Emas (SMUE) di Dewan Serbaguna MBPJ.

Tambahnya, terdapat perancangan untuk menambah program yang melibatkan warga emas yang masih lagi di dalam perbincangan.

"Kami ada mencadangkan agar warga emas ini dihargai dengan meraikan sambutan kelahiran bersama mereka namun cadangan itu masih di dalam perbincangan dan saya berharap cadangan itu diterima," katanya.

Turut hadir adalah Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Mesra Sdn bhd, Kamsani Nasir untuk memberikan penerangan kepada orang ramai yang hadir mengenai info terbaru yang terdapat di dalam program MES.

# Pendedahan lebih meluas MES agar rakyat tidak keliru



Haniza bersama sebahagian daripada waris penerima SMUE

"Ramai kalangan kita yang masih keliru dengan program MES dan ada yang tidak tahu wujudnya beberapa program yang bagus untuk mereka," katanya.

Majlis yang berlangsung di Petaling Jaya itu melibatkan penerima SMUE dari Parlimen seputeh dan tujuh kawasan DUN iaitu Taman Medan, Seri Setia, Subang Jaya, Kinrara, Seri Kembangan, Seri Serdang dan Bukit Gasing.

## Perlu kaji kapasiti tangki air di pangsapuri

**SHAH ALAM** - Masalah saiz tangki air dibimbangi tidak mampu menampung keperluan pangsapuri selama dua hari mengikut pelan penjadualan bencana yang akan diteliti Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor (Upen).

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Samad, berkata pendekatan kreatif perlu untuk mendekati masalah itu kerana reka bina asal bangunan tidak semestinya boleh menampung pembinaan tangki air tambahan atau tangki bersaiz lebih besar.

Beliau menambah, badan pengurusan bersama pangsapuri (JMB) juga perlu mengambil inisiatif untuk menyelesaikan isu ini. Antaranya adalah pembinaan tangki tambahan di aras

bawah pangsapuri.

"Kita tidak boleh tambah saiz begitu sahaja kerana lebih besar tangki, maka kedudukannya lebih tinggi dan berat, maka struktur binaannya sudah tentu berbeza," katanya.

Beliau berkata demikian mengulas isu bekalan air yang tidak mencukupi di pangsapuri yang terjejas dengan pelan penjadualan bencana Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas).

Selangor Kini difahamkan isu kepadatan penduduk di pangsapuri luar kemampuan kapasiti tangki sedia ada turut mendapat perhatian Kerajaan Negeri.

"Kita akan tengok balik dari segi kapasiti tangki digunakan. Berapa yang minimum? Adakah penggunaannya mengikut peraturan dan undang-undang?" katanya.

**Taman SENTOSA**  
Sungai Pelek

Gaya Hidup Moden Lagi Eksklusif Dengan Rekabentuk Laman Unik

- Laman peribadi yang luas dan selesa
- Pelantikan selesa dan moden
- Berhampiran dengan pelbagai kemudahan

**Belina**

RUMAH TINGKAT 24' x 80'

PEGANGAN BEBAS

Unit Terhad 30 Unit Sahaja! 3024 k.p.s + 303 k.p.s 4 Bilik Tidur + 4 Bilik Air

**Alison**

RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT 40' x 80'

Pegangan Bebas

Unit 12 Unit Sahaja!

Gaya Hidup Moden Lagi Eksklusif Dengan Rekabentuk Laman Unik

- Laman peribadi yang luas dan selesa
- Pelantikan selesa dan moden
- Berhampiran dengan pelbagai kemudahan

**Taman SENTOSA**  
Sungai Pelek

06 799 7889

3026 k.p.s + Balcony 402 k.p.s 5+1 Bilik Tidur & 5 Bilik Air

**BITARIANG DEVELOPMENT SDN. BHD.**  
No Lesen Pemaju: 11259-4/10-2015/0769(L) • Tarikh Sah: 24/10/2013-23/10/2015 • No Permit Iklan: 11259-4/10-2015/0769(P)  
• Tarikh Sah: 24/10/2013-23/10/2015 • Tarikh Dijangka Slap: September 2015 • Hakmilik Kekal • Bebanan Tanah: Tiada  
• Jumlah Unit: 12 Unit Harga Min: 645,000.00 Harga Mak: Rm800,000.00 • No Rujukan Pelan MP/SPG 600/34/8/02  
• Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Sepang

Pemanggil: Semua lukisan adalah gambaran pelikis sahaja. Falsafah ini bukan dan tidak boleh dianggap sebagai jaminan atau pembebasan dari pihak pemaju. Maklumat yang terkandung di dalam surat ini bertukar kepada perubahan, keadaan seperti diuraikan oleh pihak berkuasa berkenaan dan/atau arsitek projek dan bukannya sebahagian daripada jawapan kontrak.



## KERAJAAN NEGERI SELANGOR KENYATAAN TENDER (TENDER TERBUKA)

Tender adalah dipelawa daripada **kontraktor-kontraktor** di Malaysia yang berkecualan seperti di dalam jadual di bawah dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berkaitan untuk **Projek Mitigasi Kekurangan Bekalan Air di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya (Fasa II)**, seperti berikut :-

Tajuk	No. Tender	Taraf/Jenis Syarikat	Syarat-syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Masa Taklimat dan Lawatan Tapak	Tarikh Tutup
<b>PENGAGIHAN SEMULA KAPASITI REKA BENTUK AIR TERAWAT DARI LOJI RAWATAN AIR SUNGAI SELANGOR FASA 3 (SSP3)</b>  Kerja-Kerja Membekal dan Memasang Paip Penyambungan Bergarisputat 1300mm Merentasi Lebuhraya Persekutuan, Shah Alam, Selangor	1863/51/3	Terbuka/ Syarikat 100% milik warganegara	1. Berdaftar dengan CIDB di bawah SPKK Gred G5 Kategori Pengkhususan CE20 dan CE21 2. Berdaftar dengan SPAN di bawah Permit IPA Jenis C2 (Bekalan Air) 3. Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor (seperti perkara 5 dibawah)	RM300.00/ satu set (tidak akan dikembalikan)	Taklimat: 31 Mac 2014 (9.30 pagi)  (WAJIB)  Lawatan Tapak: (Tiada)	23 April 2014 (12.00 tengahari)
<b>PENGAGIHAN SEMULA KAPASITI REKA BENTUK AIR TERAWAT DARI LOJI RAWATAN AIR SUNGAI SELANGOR FASA 3 (SSP3)</b>  Pakej 2:  Kerja-Kerja Membina Stesen Pam di Tangki Air Bukit Jelutong Lama serta Membekal dan Memasang Loji dan Peralatan berkaitan, Shah Alam, Selangor	2081/4/4.1	Terbuka/ Syarikat 100% milik warganegara	1. Berdaftar dengan CIDB di bawah SPKK Gred G7 Kategori Pengkhususan CE20, CE21 dan M15 2. Berdaftar dengan SPAN di bawah Permit IPA Jenis C1 (Bekalan Air) 3. Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor (seperti perkara 5 dibawah)	RM1,000.00/ satu set (tidak akan dikembalikan)	Taklimat: 31 Mac 2014 (10.00 pagi)  Lawatan Tapak: 31 Mac 2014 (Selepas Taklimat)  (WAJIB)	23 April 2014 (12.00 tengahari)
<b>PENGAGIHAN SEMULA KAPASITI REKA BENTUK AIR TERAWAT DARI LOJI RAWATAN AIR SUNGAI SELANGOR FASA 1 (SSP1)</b>  Pakej 1:  Kerja-Kerja Membina Stesen Pam di Kompleks Tangki Air Bukit Gasing serta Membekal dan Memasang Loji dan Peralatan berkaitan, Di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.	2081/3.1	Terbuka/ Syarikat 100% milik warganegara	1. Berdaftar dengan CIDB di bawah SPKK Gred G7 Kategori Pengkhususan CE20, CE21 dan M15 2. Berdaftar dengan SPAN di bawah Permit IPA Jenis C1 (Bekalan Air) 3. Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor (seperti perkara 5 dibawah)	RM1,000.00/ satu set (tidak akan dikembalikan)	Taklimat: 31 Mac 2014 (10.00 pagi)  Lawatan Tapak: 31 Mac 2014 (Selepas Taklimat)  (WAJIB)	23 April 2014 (12.00 tengahari)

2. Dokumen Meja Tender boleh disemak bermulapada **31 Mac 2014** pada waktu pejabat di alamat :

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
Unit Perancang Ekonomi Negeri, Seksyen Makro & Penswastaan  
Tingkat 16, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40000 Shah Alam  
SELANGOR DARUL EHSAN**

3. Dokumen Tender akan mula dijual bermulapada **1 April 2014**, pada waktu pejabat di alamat tersebut di atas.

4. Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada **15 April 2014**. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

5. Petender-petender perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum membeli Dokumen Tender. Petender dikehendaki mengemukakan **Resit Bayaran Pendaftaran** sebagai bukti kontraktor telah berdaftar secara on-line semasa membuat urusan pembelian Dokumen Tender.

6. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil syarikat kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil syarikat hendaklah membawa **Perakuan Pendaftaran Asal** atau **Kad Perakuan Permohonan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan, Sijil Asal Pendaftaran SPAN** dan **Resit Bayaran Pendaftaran** dengan **UPEN Selangor**.

Salinan Sijil Pendaftaran boleh diterima jika disahkan oleh Agensi berkaitan.

7. Bayaran Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk Draft Bank atau Kiriman Wang di atas nama **Bendahari Negeri Selangor**.

8. Petender adalah diwajibkan untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat yang akan diadakan pada **31 Mac 2014** di **Bilik Mesyuarat, Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah** dan menghadiri dan menyertai lawatan ke tapak bina yang akan diadakan pada **31 Mac 2014** seperti yang dinyatakan dalam jadual di atas. Maklumat lawatan tapak akan dimaklumkan semasa taklimat.

9. Petender-petender yang **tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak tidak layak** untuk menyertai Tender.

10. Petender perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam **Arahan Kepada Petender** dan **Syarat-syarat Membuat Tender** di dalam Dokumen Tender sebelum mengemukakan tender. Jika dokumen tender yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.

11. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan tajuk dan no. tender pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender **sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari 23 April 2014**, di alamat :

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
Unit Perancang Ekonomi Negeri, Seksyen Makro & Penswastaan  
Tingkat 16, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40000 Shah Alam  
SELANGOR DARUL EHSAN**

12. Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.

13. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tender yang termurah/terendah atau mana-mana tender atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan tender. Kerajaan juga mengikut budi bicaranya tidak terikat untuk memberi maklum balas kepada sebarang bantahan yang mungkin diterima berkenaan tender. Kerajaan juga berhak menerima keseluruhan atau sebahagian daripada tender dan segala keputusan Kerajaan adalah muktamad.

# Penjadualan air diterus sehingga paras empangan cecah 70%

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Pelan penjadualan bekalan air yang sedang dilaksanakan akan diteruskan sehingga peratusan takungan air di empangan mencapai paras 65 hingga 70 peratus.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata langkah itu bagi memastikan bekalan air mampu bertahan sehingga berakhirnya musim kemarau.

“Sebenarnya kita jangka hujan turun dalam minggu ini, tetapi Jabatan Meteorologi mengesahkan ia akan berlaku pada minggu pertama bulan April.

Oleh sebab itu, kita tidak akan mengubah keputusan dalam program catuan air sehingga hujan turun dan peratus takungan air di empangan melebihi 65 hingga 70 peratus,” katanya.

Abdul Khalid berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK).

Sejak awal Mac lalu, bekalan air seluruh Selangor dicatu berikutan paras air di empangan.

Selain Selangor, beberapa negeri lain seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang dan Kedah turut melaksanakan program catuan air masing-masing.

Walaupun terdapat hujan selama beberapa hari minggu lalu tetapi masih tidak mencapai paras memuaskan bagi memberhentikan pelan catuan penjadualan.

“

**Kita tidak akan mengubah keputusan dalam program catuan air sehingga hujan turun dan peratus takungan air di empangan melebihi 65 hingga 70 peratus**

**ABDUL KHALID  
Menteri Besar**

## Air di tiga kawasan perlu dijadualkan semula

**SHAH ALAM** - Bekalan air di Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang perlu dijadualkan semula ekoran paras ammonia kembali meningkat di Loji Rawatan Air (LRA) Cheras Batu 11 akibat ketiadaan hujan mutakhir ini.

Memetik kenyataan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Span), Pengarah Komunikasi Korporat Carol Pelly berkata, paras ammonia di loji itu melebihi 1.5 bahagian per juta (part per milion) yang ditetapkan Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, Syarikat Be-

kalan Air Selangor (Syabas) dalam satu kenyataan media berkata, bekalan air di ketiga-tiga wilayah itu akan dijadualkan di bawah Pelan Catuan Bekalan Air Peringkat Pertama.

Penolong Pengurus Besar, Jabatan Komunikasi Korporat dan Hal Ehwah Awam Syabas, Priscilla Alfred, turut berkata Pelan Catuan Bekalan Air Peringkat Ketiga akan tetap diteruskan di Gombak, Petaling, Kuala Lumpur, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Klang dan Shah Alam sehingga situasi pulih.

# Jangan politikkan guru sukan dan atlit

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri mempunyai pendekatan tersendiri untuk berdepan dengan sikap Kerajaan Persekutuan yang menganak tiri pembangunan sukan di Selangor.

Exco Belia dan Sukan Dr Ahmad Yunus Hairi berkata Kerajaan Negeri memilih untuk tidak bersikap konfrontasi supaya guru-guru sukan serta bakal atlit tidak menjadi mangsa pertelingkahan politik.

"Kita mengambil sikap ini bagi menjaga semua pihak. Dalam masa yang sama program pembangunan sukan terus giat dijalankan.

"Kita juga tidak mahu apabila Kerajaan Negeri bersama sekolah-sekolah terlibat secara langsung, para guru pula di jadikan mangsa. Mungkin mereka dikenakan tindakan disiplin, surat tunjuk sebab atau ditukarkan hanya kerana bekerjasama dengan Kerajaan Negeri," jelasnya sambil menambah setakat ini belum ada program pembangunan sukan dilakukan secara langsung dengan pihak sekolah.

Yunus berkata demikian mengulas rungutan pembangunan sukan Selangor tidak dapat dikedepankan sepenuhnya kerana perbezaan politik.

"Sekolah Sukan Seksyen 11 misalnya, sebelum Pakatan Rakyat ambil alih Kerajaan Negeri, Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor dan Exco Sukan ketika itu boleh masuk. Tetapi kini secara tidak rasminya kita tidak dibenarkan masuk.

"Tetapi kita menerusi MSN masih lagi berhubung dan memberi bantuan keperluan pembangunan sukan di sekolah tersebut," jelasnya.

“

**Sekolah Sukan Seksyen 11 misalnya, sebelum Pakatan Rakyat ambil alih Kerajaan Negeri, Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor dan Exco Sukan ketika itu boleh masuk. Tetapi kini secara tidak rasminya kita tidak dibenarkan masuk.**

**DR AHMAD YUNUS HAIRI**  
Exco Belia dan Sukan



**Sivapatham Al Selvadurai menerima sijil penghargaan, Tokoh Kepimpinan Sukan 2013 daripada Tengku Indera Setia Selangor, Tengku Ahmad Shah**

Pihaknya mengariskan beberapa langkah kreatif bagi memastikan sukan di Selangor tidak mundur.

"Tahun lepas misalnya, saya berjaya anjurkan kejohanan bola sepak bawah 16 tahun yang mana ia tidak dipertandingkan diperingkat sekolah. Sebaliknya, pelajar menyertai kejohanan tersebut semasa cuti sekolah.

"Dengan cara itu, kita masih mempunyai ruang mencungkil bakat pelajar yang berpotensi besar," jelasnya.

Sebelum itu pada Majlis Anugerah Sukan Negeri Selangor 2013, mengumumkan lapan kategori utama, antaranya Anugerah Olahragawan dan Olahragawati, Anugerah Olahragawan dan Olahragawati Harapan, Anugerah Tokoh Kepimpinan Sukan, Anugerah Pasukan Terbaik, Anugerah Jurulatih Terbaik dan Anugerah Khas.

Atlet karate-do, Senthikumaran a/l Silvarajoo dipilih sebagai Olahragawan Selangor 2013, manakala Anugerah Olahragawati pula dirangkul Khoo Chai Lin yang mempunyai rekod cemerlang dalam sukan renang.

Olahragawan dan Olahragawati 2013 masing-masing menerima wang tunai RM5,000, trofi dan sijil penghargaan.

Majlis yang dihadiri kira-kira 500 tetamu itu disempurnakan Tengku Indera Setia Selangor, Tengku Ahmad Shah dan diringi Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
28 MAC - 4 APRIL 2014							
26 JAMADILAWAL - 3 JAMADILAKHIR 1435H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
28 Jumaat	5:49	5:59	7:15	1:21	4:22	7:24	8:33
29 Sabtu	5:49	5:59	7:15	1:21	4:21	7:24	8:33
30 Ahad	5:48	5:58	7:14	1:21	4:20	7:24	8:33
31 Isnin	5:48	5:58	7:14	1:20	4:21	7:24	8:33
1 Selasa	5:47	5:57	7:13	1:20	4:21	7:23	8:33
2 Rabu	5:47	5:57	7:13	1:20	4:22	7:23	8:32
3 Khamis	5:46	5:56	7:13	1:19	4:22	7:23	8:32
4 Jumaat	5:46	5:56	7:12	1:19	4:22	7:23	8:32

  

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
28 Jumaat	5:51	6:01	7:17	1:23	4:24	7:26	8:35
29 Sabtu	5:51	6:01	7:17	1:23	4:23	7:26	8:35
30 Ahad	5:50	6:00	7:16	1:23	4:22	7:26	8:35
31 Isnin	5:50	6:00	7:16	1:22	4:22	7:26	8:35
1 Selasa	5:49	5:59	7:15	1:22	4:23	7:25	8:35
2 Rabu	5:49	5:59	7:15	1:22	4:23	7:25	8:34
3 Khamis	5:48	5:58	7:15	1:21	4:24	7:25	8:34
4 Jumaat	5:48	5:58	7:14	1:21	4:24	7:25	8:34

## BUMIPUTRA SAHAJA

# RUMAH TERES 3 TINGKAT



## Bayu Heights

free living like a hummingbird

berhampir@n THE MINES

- 5 Bilik Tidur Besar
- 4 Bilik Mandi

**HAK MILIK KEKAL**

7% Diskaun Bumiputra

RUMAH BERILHAMKAN TAMAN

KAWALAN SEKURITI 24 JAM

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami

# 603 8942 2448

# 011 1661 8000

atau kunjungi Galeri Jualan kami : Isnin-Sabtu : 10pg - 5ptg  
Temujanji diaturkan untuk pelanggan pada Hari Ahad dan Cuti Umum



Pemaju:  
**BISON VENTURES SDN BHD**  
22, Jalan Budiman, Taman Putra Budiman,  
43200 Seri Kembangan, Selangor D.E.

Agen eksklusif: **Wang Lai Realty**



Peta Lokasi

GAMBAR ADALAH UNTUK TUJUAN ILLUSTRASI SAHAJA • NO. IESSEN PEMAJU: 11981-104-2013-496 • TEMPOH SAH: 2004/2012-19/04/2015 • PERMIT MILAN DAN JUALAN: 11981-112-2014/01/31491 • TEMPOH SAH: 12/12/2013-11/12/2014 • NO. IJAZAH PELAN BANGUNAN: MPK/26/2012 • TARIK DUNGA SAH: JANUARI 2015 • SEKATAN HAK MILIK: TITAH • HAK MILIK: PEGANGAN BEBAS • JUMLAH UNIT: 56 UNIT • HARGA: RM388,000(M) - RM988,000(MAX) • DISKALIN BUMIPUTRA 7%



## SUKMA VXII: Selangor sasar 50 pingat emas

**SHAH ALAM** - Selangor menjangkakan sekurang-kurangnya 50 pingat emas, sekaligus menempatkan kontinjen sebagai juara pada temasya Sukan Malaysia (Sukma) XVII 2014 yang akan berlangsung di Perlis, Mei depan.

Exco Belia dan Sukan, Dr Ahmad Yunus Hairi, yakin barisan atlit Selangor untuk kejohanan tersebut mampu merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri mengekalkan kejuaraan tahun lepas.

“Ada di antara barisan atlit Selangor cuba dipinang oleh negeri-negeri lain.

“Biarpun keterbukaan itu ada, tetapi atlit-atlit kita yang menyumbang emas pada kejohanan lalu dan kini masih membarisi atlit tahun ini, kita akan kekalkan mereka bersama Selangor,” jelasnya.

Dr Yunus optimis sukan renang berpotensi besar menyumbang banyak pingat, begitu juga hoki dan bola sepak. Beliau berkata setiap pasukan telah menetapkan sasaran pingat.

Pada Sukma XVI di Kuala Lumpur tahun lalu, Selangor muncul juara dengan kejayaan meraih sebanyak 23 emas, 17 perak dan 30 gangsa.



Olahragawan Selangor 2013, Senthilkumaran a/l Silvarajoo, diapit Olahragawan dan Olahragawati Harapan Selangor 2013, Yap Siew Hui dan Muhammad Firdaus Zonis

### Skuad Bola Sepak U-19 juara Piala Belia

# Pelaburan Selangor lahirkan atlit berbakat berhasil

OLEH NAEEM RAFFI

**SHAH ALAM** - Kejayaan Skuad Bawah 19 Selangor menjulang Piala Belia 2013 antara bukti pelaburan besar Majlis Sukan Negeri (MSN) bersama Kerajaan Negeri dalam melahirkan atlet berbakat, membuahkan hasil.

Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Sukan MSN Selangor, Mohamad Nizam Marjugi, berkata kejayaan terbabit mencerminkan komitmen pihaknya menempatkan Selangor sebagai peneraju sukan tanah air.

“Bakat yang kita lahirkan ini sememangnya berkualiti. Jadi, tidak mustahil apabila lebih lapan atlet daripada skuad itu

kini diserap masuk bagi membarisi skuad Harimau Muda C.

“Ada juga antara mereka berjaya diserap bawah Skuad Bawah 21 Piala Presiden,” katanya.

Skuad Bawah 19 Selangor bimbingan Adam Adullah muncul juara Piala Belia 2013 selepas berjaya menundukkan Kelantan 2-1 pada aksi final di Stadium Darul Makmur, Kuantan, Jun lalu.

Kejayaan itu menamatkan penantian panjang Selangor selama tujuh tahun selepas kali terakhir bergelar juara Kejohanan B-19 pada 2006 ketika di bawah kendalian Penolong Jurulatih Skuad Liga Super Selangor musim ini, P Maniam.

**Mereka pernah buktikan pada Piala Belia dengan memenangi tujuh perlawanan tanpa kalah dan akhirnya muncul juara untuk kejohanan itu. Jadi, tidak mustahil kejayaan yang sama akan diulangi mereka di Sukma nanti**

**MOHAMAD NIZAM**  
Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Sukan MSN Selangor

Pasukan itu juga diangkat sebagai Pasukan Terbaik, manakala, jurulatihnya dianugerahkan Jurulatih Terbaik pada Majlis

Anugerah Sukan Negeri Selangor 2013, baru-baru ini.

Bercakap kepada Selangor Kini, Nizam juga membayangkan pasukan terbabit juga akan membuat kejutan dengan membawa pulang piala pada kejohanan Sukan Malaysia (Sukma) 2014 yang akan berlangsung di Perlis, Mei ini.

“Ini yang dikatakan perkongsian bijak apabila kita akan serapkan Skuad B-12 Piala Presiden untuk mewakili Selangor ke Sukma di Perlis.

“Mereka pernah buktikan pada Piala Belia dengan memenangi tujuh perlawanan tanpa kalah dan akhirnya muncul juara untuk kejohanan itu. Ja-

di, tidak mustahil kejayaan yang sama akan diulangi mereka di Sukma nanti,” katanya.

Nizam berkata, Sukma adalah misi utama pihaknya dalam memastikan Selangor terus mara dan kekal juara.

“Tumpuan utama kita buat masa ini adalah Sukma kerana ia membabitkan semua program pembangunan sukan peringkat negeri. Kalau menang Sukma, ini bermaksud program pembangunan sukan negeri berada pada landasan yang betul.

“Sukma tahun ini akan mempertandingkan 24 jenis sukan dan kita memberi komitmen serta tumpuan sama rata kepada semua sukan,” katanya.